

**SOALAN NO.: 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Datuk Dr. Ewon Ebin [RANAU]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Ewon Ebin [ Ranau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan bersedia untuk memberikan pertimbangan ke atas cadangan untuk memperuntukkan 34 peratus kerusi Dewan Rakyat kepada negeri-negeri Borneo.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA DATO' OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melaksanakan urusan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya sebagaimana yang ditetapkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan. Tatacara dan prosedur-prosedur persempadanan adalah berlandaskan Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. Dari segi penetapan komposisi bilangan kerusi Dewan Rakyat, perkara tersebut adalah di bawah kuasa Parlimen melalui pindaan kepada Perkara 46, Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.